

PENGSWASTAAN

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 10 OKT. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN MEREKA AKAN LEBIH BERUNTUNG MENERUSI PERLAKSANAAN KONSEP PENGSWASTAAN.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI JAMINAN KERAJAAN TIDAK AKAN MENGABAikan NASIB KAKITANGANNYA, MALAH MEREKA AKAN MEMPEROLEHI FAEDAH DARIPADA KONSEP ITU DARI JANGKA PANJANG.

+KERAJAAN MEMANG SEDAR AKAN KESAN BURUK YANG MUNGKIN BERPUNCA DARIPADA PENGSWASTAAN KE ATAS KAKITANGAN YANG TERLIBAT KAMI TIDAK AKAN MENGABAikan NASIB MEREKA.

+PENGSWASTAAN TIDAK AKAN DIJALANKAN KECUALI KITA YAKIN KAKITANGAN ITU TIDAK AKAN MENGALAMI KERUGIAN,+ KATANYA DI SEMINAR MENGENAI KONSEP PENGSWASTAAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA DI AUDITORIUM DEWAN BANDARAYA DI SINI.

NAMUN BEGITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN, ADALAH MENJADI HAKIKAT PEMBANGUNAN TIDAK MUNGKIN BERLAKU PADA KADAR YANG DIHASRATI KECUALI JIKA KEKURANGAN WANG KERAJAAN DAPAT DIATABI MENERUSI PELABURAN DAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA.

+KERAJAAN TIDAK BERUPAYA MENGENDALIKAN INSTITUSI-INSTITUSI SELAMA-LAMANYA UNTUK MEMELIHARA ATAU MEMUJUDKAN PEKERJAAN, BAGI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BARU, TIDAK ADA KAKITANGAN LAMA YANG AKAN TERJEJAS,+ KATANYA. -- LAGI 1430/OM

101

PENGSWASTAAN 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN PENGSWASTAAN TIDAK AKAN MENSIA-SIAKAN MATLAMAT-MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU, DAN MENAMBAH KATA DEB TIDAK AKAN DIKETEPIKAN.

BUMIPUTERA AKAN MENDAPAT BAHAGIAN MEREKA, DARI SEGI EKUITI MAHUPUN PEKERJAAN, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH SALAH UNTUK MENGANGGAP CUMA BUMIPUTERA YANG BERHAK MENIKMATI FAEDAH PENGSWASTAAN KERANA BUKAN BUMIPUTERA JUGA AKAN TURUT MENGECAPI FAEDAHNYA.

+MALAH, KERAJAAN MAHUKAN PERKONGSIAN ANTARA BUMIPUTERA DAN BUKAN BUMIPUTERA DARIPADA KUMPULAN EKSKLUSIF. TETAPI, PERKONGSIAN SEPERTI ITU HENDAKLAH YANG TULEN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PENGSWASTAAN TIDAK BERMAKNA KERAJAAN DAN BIROKRASI MELUCUTKAN TANGGUNGJAWABNYA SETELAH IA DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA.

TANGGUNGJAWAB SEMUA PERKHIDMATAN ATAU TUGAS AWAM YANG DIPINDAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA TETAP DIPIKUL OLEH KERAJAAN.

+KERAJAAN MASIH BERTANGGUNGJAWAB KEPADA RAKYAT DAN OLEH DEMIKIAN MESTILAH TERUS BERTANGGUNGJAWAB MEMASTIKAN PENGSWASTAAN AKAN MEMBERIKAN SEGALA FAEDAH YANG MUNGKIN SEMENTARA KELEMAHAN DIKURANGKAN+, KATANYA. -- LAGI 1504/OM

PENGSWASTAAN 3 KUALA LUMPUR

+KELEMAHAN SEPERTI ITU TERMASUK GANGGUAN PERKHIDMATAN YANG BERKENAAN, PENINGKATAN KOS YANG TIDAK WAJAR ATAU ADIL DAN KEMUNGKINAN LIPUTAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENYELURUH PADA PERINGKAT AWAL PENGSWASTAAN,+ KATANYA.

BELIAU MENGGESA SEKTOR SWASTA SUPAYA SEDAR AKAN PERKARA ITU AGAR KELEMAHAN AKAN BERADA PADA TAHAP YANG PALING RENDAH.

+JIKA TIDAK, PENGSWASTAAN AKAN GAGAL DARI MULA LAGI,+ TEGASNYA.

SAMBIL MENJELASKAN RASIONAL BAGI MELAKSANAKAN KONSEP ITU, PERDANA MENTERI BERKATA SEJAK TEORI SOSIALIS DIBENTANGKAN, KERAJAAN DI SELURUH DUNIA SAMA ADA MEMPERCAYAI SISTEM PERUSAHAAN BEBAS ATAU TIDAK DIMINTA MENANGGUNG SEMAKIN BANYAK TANGGUNGJAWAB YANG MELIBATKAN HIDUP PARA PEKERJA.

+KOMUNIS DAN SOSIALISLAH YANG MENUNTUT SUPAYA PERNIAGAAN PUN HARUS DIMILIKI DAN DIURUSKAN OLEH KERAJAAN. MEREKA BERASA KERAJAAN DARI RAKYAT AKAN BERSIKAP ADIL KEPADA PEKERJA YANG MENJADI MAJORITI RAKYAT.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PERNIAGAAN YANG DIMILIKI DAN DIURUSKAN OLEH KERAJAAN TIDAKLAH SEMESTINYA BAIK UNTUK PEKERJA.

BELIAU BERKATA DI NEGARA-NEGARA KOMUNIS PARA PEKERJA TETAP MISKIN SEMENTARA WANG DIBELANJAKAN KE ATAS SENJATA, PERTARUNGAN KUASA DAN PEPERANGAN SECARA PROKSI. -- LAGI 1530/ZI

PENGSWASTAAN 4 KUALA LUMPUR

DI NEGARA-NEGARA SOSIALIS, PERKARA YANG MENARIK PERHATIAN IALAH KEKERAPAN MOGOK BERLAKU DAN TUNTUTAN UNTUK LAYANAN YANG LEBIH BAIK OLEH PEKERJA DALAM SYARIKAT MILIK KERAJAAN.

+ADALAH JELAS MILIKAN KERAJAAN TIDAK SEMESTINYA BERMAKNA TIDAK ADA PEKERJA DIPERGUNAKAN,+ KATANYA.

PADA MASA YANG SAMA, PERDANA MENTERI BERKATA, PERUSAHAAN MILIK AWAM NAMPAKNYA TIDAK MAMPU MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN ATAU BERJALAN CEKAP DAN WALAUPUN MENJADI MONOPOLI MEREKA TIDAK DAPAT MEMBIAYAI DIRI SENDIRI, APA LAGI UNTUK MEMBAYAR CUKAI ATAU DIVIDEN KEPADA TUANPUNYA IAITU KERAJAAN.

+SERING KALI, PERUSAHAAN MILIK SWASTA YANG MENDAPAT KEUNTUNGAN DAN MEMBAYAR CUKAI BUKAN SAHAJA BERHENTI BERBUAT DEMIKIAN APABILA DIMILIKNEGARAKAN TETAPI AKAN MEMERLUKAN SUBSIDI DAN PENYALURAN BANYAK MODAL OLEH KERAJAAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN WALAUPUN MALAYSIA BUKAN NEGARA SOSIALIS, SEJUMLAH BESAR KEMUDAHAN AWAMNYA DIMILIK KERAJAAN ATAS SEBAB SEJARAH.

MALAH, KATANYA, MALAYSIA MERUPAKAN NEGARA TUNGGAL DI LUAR DUNIA KOMUNIS DI MANA PERUBATAN HAMPIR PERCUMA. -- LAGI 1625/OM

NNNN

ZCZC B585:

PENGSWASTAAN 5 KUALA LUMPUR

PERKHIDMATAN KESIHATAN KEBANGSAAN BRITAIN DI DEWAN MANA SETIAP WARGANEGARA BERHAK MENERIMA RAWATAN PERUBATAN PERCUMA MENGEKHEMDAKI RAKYAT MEMBAYAR TUJUH PERATUS PENDAPATAN TAHUNAN MEREKA KEPADA KERAJAAN UNTUK MEMELIHARA PERKHIDMATAN ITU.

MAJIKAN-MAJIKAN DIWAJIBKAN MENJADI SUMBANGAN ITU 15 PERATUS TETAPI DI MALAYSIA TIDAK ADA SUMBANGAN SEUMPAMA ITU DIKENAKAN.

DI SAMPING JUMLAH BESAR KEMUDAHAN AWAM, KERAJAAN TELAH BERKECIMPUNG DALAM PERNIAGAAN KERANA DASAR EKONOMI BARU.

LANGKAH TERSEBUT PERLU KERANA BILANGAN BUMIPUTERA YANG BERKEBOLEHAN TERLALU KECIL, DARI SEGI KEPAKARAN DAN MODAL.

+MALANGNYA, KEBANYAKAN PERUSAHAAN KERAJAAN ITU MENGALAMI KERUGIAN,+ KATANYA.

BELIAU GEMBIRA KEADAAN SUDAH BERUBAH DENGAN BILANGAN BESAR USAHAWAN BUMIPUTERA DAN PUNCA KEWANGAN MILIK BUMIPUTERA.

KATANYA BUKAN BUMIPUTERA JUGA MENGUBAH SIKAP MEREKA: DI MASA YANG LALU MEREKA HANYA MELABUR DALAM PERNIAGAAN KELUARGA TETAPI KINI SANGGUP MELABUR DALAM PERBADANAN MILIK AWAM. -- LAGI 1630/OM
NNNN

ZCZC B586:

PENGSWASTAAN 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN MEMANDANGKAN PERUBAHAN SEPERTI ITU KERAJAAN MEMUTUSKAN MASANYA SUDAH TIBA UNTUK PENGSWASTAAN DILAKSANAKAN.

+PENYERTAAN SEKTOR SWASTA AKAN MENGURANGKAN BEBAN KERAJAAN DARI SEGI WANG,+ KATANYA.

+ADALAH DIHARAP SIFAT KEPENTINGAN DIRI SENDIRI AKAN MEMASTIKAN KEMUDAHAN DAN PERBADANAN MILIK KERAJAAN YANG DISERAHKAN KEPADA SEKTOR SWASTA, SAMA ADA SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA, AKAN DIKENDALIKAN DENGAN LEBIH SEMPURNA, LEBIH CEKAP DAN LEBIH BERUNTUNG,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PILIHAN LAIN DARIPADA PENGSWASTAAN MUNGKIN BERHENTI MEMBAIKI ATAU MENYEDIAKAN KEMUDAHAN YANG DIPERLUKAN TETAPI INI AKAN MENGHASILKAN PERKHIDMATAN YANG KURANG BAIK DAN AKAN MENGHALANG PERTUMBUHAN.

PEMBANGUNAN AKAN TERBANTUT DAN MATLAMAT KEDUA DEB- MENGHAPUSKAN KEMISKINAN - TIDAK AKAN DICAPAI, TAMBAHNYA. -- BERNAMA 1632/OM